

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PANDUAN PENTADBIRAN KEMASUKAN PELAJAR BAHARU SESI 2020/2021

BAHAGIAN 1

PANDUAN KEMASUKAN PELAJAR BAHARU

A. Pendaftaran Pelajar Baharu

1. Semua pelajar perlu mengesahkan menerima tawaran masuk ke UTM secara dalam talian (e-Daftar).
2. Semua pelajar perlu memuat turun aplikasi UTM Smart dan mendapatkan pelbagai informasi berkaitan kemasukan pelajar baharu secara berkala dalam modul Freshies' Guide.
3. Mengambil tindakan berikut sebelum masuk ke kampus:-
 - a. Semua pelajar perlu mengisi Borang (Health Declaration Form) HDF , tiga (3) hari sebelum mendaftar diri ke UTM. Pelajar juga perlu mencetak dan menunjukkan borang kepada Petugas Keselamatan dan pemeriksaan suhu badan dilakukan kepada pelajar tanpa perlu turun dari kenderaan (secara pandu lalu) di pintu masuk UTM. ([link http://pergerakan.utm.my/visitor/Visitor](http://pergerakan.utm.my/visitor/Visitor))
 - b. Pelajar perlu mencetak 'tagging' yang memaparkan nama kolej penginapan dan mempamerkannya di cermin kenderaan (termasuk kereta sewa, Grab dan teksi) semasa pendaftaran pada 10 dan 11 Oktober 2020.
 - c. Kenderaan yang membawa pelajar hanya dibenarkan masuk ke kawasan kampus UTM pada waktu yang telah ditetapkan dalam surat tawaran sahaja.
 - d. Hanya sebuah kenderaan sahaja dibenarkan untuk menghantar seorang pelajar dengan jumlah tidak melebihi empat (4) orang termasuk pelajar. Pelajar perlu duduk di tempat duduk penumpang hadapan (kiri pemandu) untuk mempercepatkan urusan.

- e. Semasa ketibaan di UTM, semua kenderaan akan ditunjuk arah untuk masuk ke kawasan kolej penginapan (seperti di surat tawaran) mengikut laluan yang ditetapkan.
 - f. Kenderaan pelajar akan ditunjuk arah ke 'Drop Off Point' untuk menurunkan pelajar/barang/beg. Pemandu dan pengiring di dalam kenderaan tidak dibenarkan turun dari kenderaan.
 - g. Semua urusan keluarga hendaklah diselesaikan sebelum pelajar turun dari kenderaan. Setelah pelajar turun bersama-sama barang/beg, kenderaan diminta segera meninggalkan kampus. Tempoh yang diberikan untuk menurunkan pelajar dan barangan adalah 5 minit.
 - h. Kenderaan yang masuk mengikut pintu masuk yang dicadangkan dalam surat tawaran turut dikehendaki keluar mengikut laluan yang sama atau seperti arahan petugas keselamatan.
4. Krew/Petugas akan membantu pelajar membawa barang/beg terus ke bilik kolej penginapan yang ditetapkan.

B. Pelajar yang Berisiko (Rujuk Pekeliling KPT)

1. Pelajar perlu menanggungkan pendaftaran dan memaklumkan kepada universiti dan mengemukakan dokumen berkaitan jika:
 - i. Pelajar dari Zon Merah dan Zon Kuning/Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) atau Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Secara Pentadbiran [Targeted Enhance Movement Control Order (TEMCO)] atau seumpamanya.
 - ii. Mengalami gejala COVID-19 sebelum hari pendaftaran.
 - iii. Menerima Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam tempoh 14 hari sebelum pendaftaran.

- iv. Mempunyai kontak rapat dengan pesakit yang disahkan positif COVID19 atau individu/kluster yang masih dalam siasatan COVID-19 dalam tempoh 14 hari sebelum hari pendaftaran.

BAHAGIAN 2

A. Pelaksanaan Program Semasa Minggu Mesra Mahasiswa (MMM)

Kampus UTM Johor Bahru

Program MMM akan dilaksanakan secara hybrid iaitu secara fizikal dan dalam talian seperti berikut:

- i. Kehadiran pelajar secara bersemuka di Dewan Sultan Iskandar dengan jumlah pelajar mengikut kapasiti dan SOP iaitu seramai 500 orang.
- ii. Kehadiran pelajar di dewan serbaguna kolej kediaman mengikut saiz dan kapasiti masing-masing.
- iii. Pelajar mengikuti slot taklimat dan lain-lain program MMM secara dalam talian di bilik masing-masing (keutamaan kepada pelajar yang tiada kemudahan computer dan telefon bimbit).

Kampus UTM Kuala Lumpur

- i. Semua aktiviti dan program MMM akan dilaksanakan secara bersemuka dengan penjarakan fizikal dan SOP yang ditetapkan.
- ii. 2 slot utama MMM iaitu Sesi Engagement bersama Naib Canselor dan Sesi Bersama Timbalan Naib Canselor (HEP) akan dilaksana secara dalam talian (lintas langsung dari UTM Johor Bahru).

Antara pengisian program Minggu Mesra Mahasiswa (MMM) adalah seperti berikut:

- i. Sesi Engagement bersama Naib Canselor
- ii. Sesi Engagement bersama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
- iii. Sesi Engagement bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)

- iv. Sesi bersama CEO Industri
- v. Majlis Ikrar Dan Aku Janji;
- vi. Pendaftaran kursus dan taklimat bersama Fakulti.
- vii. Lain-lain

Pelajar akan dipilih dari kolej kediaman berhampiran dengan DSI (Kolej Rahman Putra dan Kolej Tun Razak) untuk menyertai majlis atau program yang dilaksanakan secara 'hybrid' ini. Manakala, bagi pelajar-pelajar lain akan mengikuti program secara atas talian dan berada di kolej kediaman masing-masing.

B. Aktiviti Yang Memerlukan Penglibatan Pelajar (di DSI dan dewan kolej kediaman)

Semasa program/aktiviti berlangsung, semua pelajar dikehendaki mengikuti semua SOP yang telah ditetapkan seperti berikut:

- a. Pelajar perlu menjalani pemeriksaan suhu badan di dewan serbaguna kolej dan di pintu masuk Dewan Sultan Iskandar sebelum dibenarkan meneruskan urusan pendaftaran.
- b. Pelajar dikehendaki mendaftarkan maklumat perhubungan serta tarikh dan masa masuk melalui MySejahtera bagi tujuan rujukan sekiranya perlu pengesanan kontak.
- c. Pelajar dikehendaki memakai pelitup muka (face mask) pada setiap masa di luar dari bilik.
- d. Penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu (1) meter perlu dikekalkan pada setiap masa di antara satu sama lain.
- e. Pelajar perlu mempraktikkan polisi tidak bersalaman dan perlu kerap mencuci tangan menggunakan air dan sabun atau menggunakan cecair pencuci tangan (hand sanitizer).
- f. Kesemua alat pelindung diri (sarung tangan, pelitup muka) dan tisu yang telah digunakan hendaklah dibuang di tong sampah yang disediakan.
- g. Pembersihan dan disinfeksi ruang dan permukaan perlu dilakukan sebelum memulakan program/ aktiviti dan pada setiap pengakhiran sesi program/ aktiviti atau sekerap yang dirasakan perlu

Nota Penting:

- i. Wajib memakai pelitup muka pada setiap masa di kawasan umum.
- ii. Makan malam akan disediakan untuk pelajar yang mendaftar pada 10 Oktober 2020. Pelajar yang mendaftar pada 10 Oktober 2020 perlu menyediakan keperluan makanan lebih awal.
- iii. Peraturan UTM tidak membenarkan pelajar baharu/tahun satu (1) membawa kenderaan sendiri di dalam kampus.
- iv. Sebarang pertanyaan, sila hubungi **Hotline MMM 01118687022**.
- v. Lain-lain maklumat boleh dirujuk di Freshies' Guide di aplikasi UTM Smart.